

31/08/1997

Penyebar fitnah patut ditembak

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak khabar angin kononnya timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan berikutan krisis mata wang dan kejatuhan pasaran saham.

Sambil menganggap penyebar khabar angin itu sebagai tidak bertanggungjawab dan patut ditembak, Perdana Menteri berkata, Anwar akan terus memegang jawatan itu dan melakukan sedaya upaya bagi menangani masalah berkenaan.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-44 di sini, semalam, Dr Mahathir berkata, Anwar juga sentiasa berjumpa dan berbincang dengannya.

Mengulas perkara itu yang ditanya oleh seorang wartawan asing, Perdana Menteri berkata, sebagai ketua kerajaan, beliau turut memikul tanggungjawab itu.

"Saya bertanggungjawab kerana saya adalah ketua kerajaan. Saya tidak boleh membiarkan orang memikul tanggungjawab itu, tanpa saya turut menanggungnya," katanya.

Perdana Menteri yang dua hari lalu mengumumkan beberapa langkah untuk menguatkan pasaran saham tempatan dan menahan kejatuhan nilai ringgit, juga berkata, beliau tidak bercadang mengambil alih Kementerian Kewangan.

"Saya mahu memberitahu penyebar khabar angin ini bahawa saya tidak mengambil alih Kementerian Kewangan jika itu yang mereka cadangkan.

"Inilah khabar angin yang mereka sebarkan ... saya tidak tahu apa yang hendak dikatakan mengenai mereka ini yang tiada langsung memikirkan kepentingan negara.

"Saya pun tidak tahu bagaimana nak letakkan mereka ini ... tapi mereka inilah yang perlu ditembak," katanya.

Menurut Perdana Menteri, penyebar khabar angin hanya mementingkan keuntungan dan mahu membuat kekayaan untuk diri sendiri, tanpa mempedulikan apa yang akan terjadi ke atas negara.

Anwar yang ditemui di majlis pertunjukan kuda peringkat kebangsaan di Sungai Besi petang semalam, juga menolak khabar angin berhubung perletakan jawatannya.

Inilah kali kedua dalam tempoh seminggu Dr Mahathir mempertahankan timbalannya.

Ahad lalu, Dr Mahathir menyifatkan dakwaan yang terkandung dalam sepucuk surat layang kononnya Anwar terbabit dalam skandal seks, sebagai fitnah dan bermotifkan politik.

Surat itu, kata Dr Mahathir, ditulis pihak tertentu untuk mensabotaj dan menjatuhkan imej timbalannya apabila Anwar dilihat sebagai pemimpin yang akan menggantikannya.

(END)